

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPEH)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPEH] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) berapakah kos membayar hutang Negara tiap-tiap tahun sejak 2009; dan
- (b) berapakah jumlah hutang Negara serta tanggungan liabiliti oleh Kerajaan sehingga September, 2016.

JAWAPAN

Kerajaan sentiasa memastikan bayaran pokok dan faedah dibuat secara teratur mengikut jadual yang ditetapkan. Komitmen pembayaran khidmat hutang iaitu bayaran faedah ke atas hutang Kerajaan Persekutuan merupakan komitment yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain dibuat. Bagi tahun 2016, sejumlah RM26.6 bilion atau 12.9% daripada perbelanjaan

mengurus (OE) telah dibelanjakan bagi tujuan bayaran khidmat hutang. Bayaran khidmat hutang sejak tahun 2009 adalah seperti berikut:

2. Kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM655.7 bilion atau 53.2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 95.9% atau RM628.8 bilion adalah hutang domestik (51% daripada KDNK), sementara 4.1% lagi atau RM26.9 bilion (2.2% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan sehingga Mac 2016 adalah sebanyak RM178 bilion atau 14.4% daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek infrastruktur seperti DanaInfra dan Prasarana yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur dan operasi pengangkutan awam serta sektor pendidikan seperti PTPTN. Kerajaan Persekutuan juga dari masa ke masa memberi jaminan kepada Badan Berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek

pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NGA KOR MING [
TAIPING]**

SOALAN :

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci berapakah jumlah kos lawatan dan hasil lawatan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri ke luar negara pada tahun 2015 dan 2016.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan lawatan luar negara untuk tujuan-tujuan rasmi bagi tahun 2015 dan 2016 adalah mengikut kelayakan YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri serta rombongan masing-masing.

Sekian. Terima kasih.